




BAHASA CINTA

HF

BAHASA CINTA I



KATA PENEGUHAN

Kata-kata yang harus diamalkan selalu supaya dapat memikat hati pasangan.

Contoh-contoh kata peneguhan:

- a. "Terima kasih/Thanks you",
- b. "Minta maaf/I am sorry"
- c. "Saya sayang kamu/I love you"
- d. Bagus, kamu.....

BAHASA CINTA 2

MASA BERKUALITI

Tumpuan sepenuhnya perhatian kamu kepada pasangan kami semasa mendampinginya.



Tips:

- a. Lihatlah muka pasangan kamu dan bersyukur kepada Allah kerana dia adalah pasangan hidup kamu yang terunggul untuk kamu.(Sungguhpun dia tidak sempurna)
- b. Mengucapkan terima kasih kepada pasangan kamu kerana jasa dan pengorbanannya untuk rumah tangga kamu.
- c. Aturkan masa bersama pasangan kamu untuk makan bersama-sama(makanan kegemarannya); berjalan-jalan bersama (peganglah tangannya) dan bersempbang tentang isi hati masing-masing.(jangan sembang tentang pekerjaan dan hal anak!)
- d. Sebelum tidur, mendengar masalah serta luahan pasangan terhadap hari-hari yang telah mereka lalui. Kemudian berdoalah bersamanya.

BAHASA CINTA 3



MENERIMA HADIAH

Ini adalah cabaran untuk menguji kasih sayang secara peribadi dan keprihatinan kamu kepada pasangan kamu.

Tips:

- a. Kenalpasti kegemaran dan keperluan pasangan kamu. Fokusnya bukan pada hadiah, tapi kesungguhan kamu menyediakan dan menyampaikan sesuatu yang bermakna kepadanya.(Hadiah tidak semestinya mempunyai nilai harga yang mahal tetapi biarlah ia pemberian itu ikhlas, menarik serta mempunyai nilai sentimental kepada pasangan.)
- b. Jangan lupa tentang harijadi dan hari ulangtahun perkahwinan kamu

BAHASA CINTA 4

MEMBERI BANTUAN PERKHIDMATAN




Tujuannya ialah untuk meringankan beban pasangan kamu

Contoh-contoh:

1. Menghulurkan bantuan untuk mengemas rumah, memasak, membasuh pakaian, menyelenggara kereta, DLL.
2. Menghantar anak-anak ke sekolah dan menjaga mereka di rumah untuk memberi masa kepada pasangan kamu untuk berehat.
3. Menghantar pasangan ke pasaraya untuk membeli belah.

BAHASA CINTA 5




SENTUHAN FIZIKAL

Ini bukan hanya hubungan intim semata-mata tetapi ada di antara pasangan yang lebih cenderung ke arah isyarat cinta.

- Tindakan-tindakan:

1. Berpegangan tangan semasa bersiar-siar di taman.
2. Berpelukan, menyentuh lengan atau hanya dengan menyentuh jari pasangan, untuk memberi galakan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada pasangan kamu.

RUJUKAN DARIPADA



THE 5 LOVE LANGUAGES **OLEH GARY CHAPMAN**

[https://dinamikahidupdotcom.wordpress.com/
/2012/10/15/lima-bahasa-cinta/](https://dinamikahidupdotcom.wordpress.com/2012/10/15/lima-bahasa-cinta/)

<https://5lovelanguages.com/>